



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	2/9/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kosmo, 2 Sept
2021 17

Bumbung rumah rosak 'dikerjakan' puluhan ekor haiwan liar

Beruk mengganas ancam penduduk

Isu Setempat

Oleh NOR AINNA HAMZAH

REMBAU – Penduduk di Kampung Mungkal di sini dan beberapa buah kampung berhampiran berasa bimbang dengan kehadiran puluhan ekor beruk sejak lebih tiga tahun lalu sehingga mengancam kehidupan mereka.

Seorang penduduk, Zaidi Baharuddin, 51, berkata, sebelum ini hanya terdapat monyet serta kera di perkampungan mereka.

"Bagaimanapun, kehadiran beruk berkenaan sejak beberapa tahun lalu bukan sabaja mengganggu kehidupan penduduk, malah merosakkan rumah.

"Saya yang mengambil upah kerja-kerja kampung telah membaik pulih sebanyak empat buah rumah penduduk apabila bumbung kediaman mereka rosak 'dikerjakan' oleh beruk-beruk yang melompat-lompat serta

mengangkat atap kediaman penduduk," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Menurutnya, pokok buah-buahan pun banyak yang terpaksa ditebang.

"Mereka tidak mahu pokok berkenaan menarik kehadiran beruk yang lebih agresif berbanding monyet serta kera. Lagi-lagi jika kanak-kanak, tentulah penduduk bimbang akan keselamatan mereka," ujarnya.

Seorang lagi penduduk, Ain Hussin, 55, berkata, dia baru kembali menetap di kampung sejak empat tahun lalu dan masalah berkenaan menyebabkan dia mengubah suai rumahnya.

"Ini untuk menutup lubang di bahagian dapur bagi mengelakkan binatang berkenaan masuk ke dalam rumah.

"Dalam kejadian baru-baru ini, atap rumah saya pecah setelah seekor beruk tunggal bersaiz agak besar melompat di atasnya," katanya.

Dia berharap masalah itu

akan dapat segera diatasi kerana kehadiran beruk kini semakin menjadi-jadi dan sering bergerak dalam jumlah yang besar.

"Sejak duduk di sini, saya sudah mengupah orang untuk menebang tiga pokok rambutan, sebatang pokok mangga dan sebatang pokok nangka kerana tidak mahu beruk bertumpu ke rumah saya," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri, Wan Mat Wan Harun berkata, pihaknya telah menerima aduan berkenaan dan sedang menjalankan siasatan.

"Tindakan bersesuaian akan diambil selepas siasatan dijalankan," ujar beliau.

Pada 17 Februari lalu, *Kosmo!* melaporkan seorang wanita warga emas, Zaiton Md. Jidin, 65, dikejarkan ke Hospital Rembau selepas mengalami kecederaan parah diserang serta digigit seekor beruk tunggal di Kampung Chual Hillir di sini.



Zaidi menunjukkan atap rumah penduduk yang dirosakkan kumpulan beruk liar di Kampung Mungkal, Rembau baru-baru ini.